

■ Untuk maklumat lanjut mengenai program reka bentuk grafik dan program lain di MSU, sila hubungi 03-5521 6868 atau layari www.msu.edu.my. Orang ramai juga boleh menghantar khidmat pesanan ringkas (SMS) ke INFOMSU <jarak> nama <jarak> e-mel dan hantar ke 019-341 9152/016-356 8251 atau 012-249 6551.

FUTSAL antara jenis sukan yang diadakan sempena Karnival Sukan di MSU, Shah Alam baru-baru ini.



MSU tawar program
reka bentuk grafik

REKA bentuk grafik merupakan antara bidang pekerjaan yang berkembang pesat sejajar dengan pertumbuhan semasa ekonomi negara.

Bidang seni reka grafik merujuk kepada proses kreatif dalam menyampaikan maksud tertentu kepada golongan sasaran dengan memfokuskan kepada penggunaan komunikasi seni visual yang efektif sebagai medium persembahan.

Penggunaan ilmu seni reka grafik termasuklah penghasilan identiti seperti logo dan jenama, laman web dan penerbitan meliputi filem, majalah, surat khabar dan buku.

Secara umum, grafik melibatkan kombinasi pakej seperti logo, teks, bentuk, warna dan susunan gambar.

Tugas untuk menentukan reka letak item-item tersebut kepada bentuk yang ideal dan kreatif adalah tanggungjawab seorang pereka grafik.

Antara bidang pengkhususan kerja yang boleh diceburi oleh lepasan seni reka grafik ialah sebagai pengarah seni/kreatif, pelukis reka letak, pereka identiti jenama, pereka logo, pereka Flash, Illustrator, Photo Editing/ Photoshop Artist, pereka multimedia, jurufoto dan pereka laman web.

Melihat potensi bidang ini,


Management & Science University (MSU) di Shah Alam membuka peluang kepada mereka yang berminat mengikutinya sekali gus mengisi peluang berjaya yang cerah.

Menggunakan modul pembelajaran terkini di samping sokongan pensyarah berpengalaman melalui program mentor-mentee, pelajar akan dibantu bagi mencapai keputusan cemerlang selain suasana pembelajaran kondusif sebagai bonus kepada pelajar.

MSU menawarkan program peringkat diploma dan ijazah sarjana muda dalam bidang berkenaan melalui Fakulti Sains Informasi dan Kejuruteraan (FISE).

Selain bidang reka bentuk grafik, FISE turut menawarkan program pengajian peringkat diploma dan ijazah dalam bidang pengkhususan seperti Sains Komputer, Pengiraan Perniagaan, Teknologi Maklumat dan Komunikasi Kejuruteraan Komputer, Sistem Audit Maklumat, Pereka Permainan dan Animasi, Teknologi (Elektrikal dan Elektronik), Pengajaran Multimedia, Teknologi

Mudah Alih dan Tanpa Wayar, Pereka Bentuk Komunikasi dan Pemasaran, Multimedia Kreatif, Sains Media dan sebagainya yang relevan dengan keperluan semasa industri.



**Menggunakan
modul pembelajaran
terkini di samping
sokongan pensyarah
berpengalaman
melalui program
mentor-mentee,
pelajar akan dibantu
bagi mencapai
keputusan cemerlang
selain suasana
pembelajaran
kondusif sebagai
bonus kepada pelajar**